

PENJADUALAN SEMULA PELAKSANAAN E-INVOIS BAGI PERNIAGAAN DENGAN PENDAPATAN DI BAWAH RM5 JUTA

Cyberjaya, 5 Jun 2025 – Kerajaan mengambil maklum komitmen pembayar cukai terutamanya peniaga dari kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam mematuhi keperluan perundangan e-Invois yang memerlukan tempoh persediaan secukupnya dan kekangan lain dalam pelaksanaan e-Invois.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah membuat keputusan seperti berikut:

- a) Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM500,000 adalah diberi pengecualian dari pelaksanaan e-Invois buat masa ini;
- b) Fasa pelaksanaan e-Invois bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM1 juta sehingga RM5 juta ditangguhkan kepada 1 Januari 2026; dan
- c) Fasa pelaksanaan e-Invois bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM1 juta ditangguhkan kepada 1 Julai 2026.

Selaras dengan keputusan tersebut, garis masa baharu fasa pelaksanaan e-Invois bagi kategori pembayar cukai telah ditetapkan seperti berikut:

Fasa	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Pelaksanaan
Fasa 3	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM5 juta dan sehingga RM25 juta	1 Julai 2025
Fasa 4	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM1 juta dan sehingga RM5 juta	1 Januari 2026
Fasa 5	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM1 juta	1 Julai 2026

Tempoh kelonggaran selama enam (6) bulan yang disediakan sebelum ini juga terpakai bagi fasa-fasa baharu seperti yang dinyatakan di atas. Sepanjang tempoh ini, pembayar cukai dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan bagi semua transaksi seperti berikut:

- a) Membenarkan semua aktiviti/ industri untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan termasuk e-Invois bil sendiri.
- b) Membenarkan sebarang maklumat dimasukkan di medan "Keterangan Produk atau Perkhidmatan".
- c) Jika terdapat permohonan e-Invois daripada pembeli, penjual juga dibenarkan untuk hanya mengeluarkan e-Invois yang disatukan tanpa mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi.

Sepanjang tempoh kelonggaran tersebut, tiada tindakan pendakwaan di bawah seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967 terhadap ketidakpatuhan peraturan e-Invois dengan syarat pembayar cukai mematuhi keperluan e-Invois yang disatukan seperti dinyatakan di atas.

Selain itu, mulai 1 Januari 2026, pembayar cukai yang terlibat dengan pelaksanaan e-Invois perlu mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi jualan barangan atau penyediaan perkhidmatan yang melebihi RM10,000 dan pengeluaran e-Invois disatukan tidak dibenarkan.

HASiL komited untuk memberikan sokongan dan panduan yang menyeluruh kepada semua pembayar cukai sepanjang tempoh persediaan pelaksanaan e-Invois.

Di samping itu, HASiL turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan e-Invois melalui pelbagai saluran yang disediakan berikut:

- a. Pejabat HASiL
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 5 Jun 2025